




PENYATA KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG 2008





**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2008**

**OLEH
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

Surat Penyampaian



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

YANG AMAT BERHORMAT
TUAN LIM GUAN ENG
KETUA MENTERI
PULAU PINANG.

Mengikut kehendak Seksyen 16 Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak – 1972), saya dengan hormatnya mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 yang telah diaudit untuk dibentangkan di Mesyuarat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Dengan hormatnya dikemukakan,

Dato' Farizan bin. Darus
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pegawai Pengawal dan kakitangan di Jabatan-jabatan Negeri Pulau Pinang di atas sumbangan dan kerjasama yang dihulurkan kepada Jabatan Kewangan Negeri dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2008. Ucapan syabas dan tahniah kepada semua pegawai dan anggota Jabatan Kewangan Negeri khasnya di atas dedikasi dan komitmen dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tersebut. Perancangan yang rapi dan tersusun juga telah membolehkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2008 disediakan dengan sempurna untuk diaudit serta dibentangkan di Dewan Undangan Negeri dalam tahun 2009.

Dato' Farizan b. Darus
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2008

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang disediakan setiap tahun oleh Jabatan Kewangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak – 1972). Penyata Kewangan Kerajaan Negeri diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri melaporkan semua urusan kewangan sesuatu tahun kewangan. Ia mengakaun semua terimaan dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2008 mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun. Lembaran Imbangan disokong oleh Penyata Aset dan Penyata Kumpulan Wang Disatukan, manakala Penyata Akaun Memorandum disokong oleh Penyata Memorandum Aset dan Liabiliti.

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2008

Penyata	Kandungan	Muka Surat
	SIJIL KETUA AUDIT NEGARA	
	LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	7
	PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
	Lembaran Imbangan	31
	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai	32
	Penyata Akaun Memorandum	33
	Nota kepada Akaun	34
	LEMBARAN IMBANGAN	
	ASET	
A	Penyata Wangtunai	41
B	Penyata Pelaburan	42
	AKAUN HASIL DISATUKAN	
C	Penyata Akaun Hasil Disatukan	45
C1	Penyata Hasil	49
C2	Penyata Perbelanjaan Mengurus	59
	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	
D	Penyata Akaun Pinjaman Disatukan	85
D1	Butir-butir Penyata Akaun Pinjaman	86
	AKAUN AMANAH DISATUKAN	
E	Penyata Akaun Amanah Disatukan	91
E1	Penyata Kumpulan Wang Amanah Disatukan	92
E1a	Penyata Kumpulan Wang Pembangunan	95
E1ai	Penyata Perbelanjaan Pembangunan	96
E1b	Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	105
E2	Penyata Kumpulan Wang Amanah Awam	107
E3	Penyata Akaun Wang Deposit	108
	AKAUN MEMORANDUM	
	ASET	
F1	Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	119
F1i	Penyata Akaun Memorandum Butir-butir Pinjaman Boleh Dituntut	120
F2	Penyata Akaun Pelaburan	122
F2a	Penyata Akaun Memorandum Pelaburan (LKAPP)	123
F2b	Penyata Akaun Memorandum Pelaburan Ekuiti	124
F3	Penyata Hasil Belum Terima	125
F4	Penyata Akaun Memorandum Pajakan PBA	126
	LIABILITI	
G	Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam	129

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG 2008

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpanduan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2008; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

22 Mei 2009



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG 2008

LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

PENDAHULUAN

Laporan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri disediakan untuk menerangkan secara ringkas kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2008. Maklumat-maklumat di dalam laporan adalah terdiri daripada data Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Penyata kewangan ini telah disedia dan diterima oleh pihak Ketua Audit Negara pada 9 Januari 2009. Walau bagaimanapun, atas keperluan beberapa maklumat tambahan akhirnya Penyata Kewangan ini disahkan lengkap pada 19 Januari 2009. Mengikut peruntukan Akta Audit 1957, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2008 telah diaudit oleh Ketua Audit Negara dan pegawai-pegawai dari Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Pulau Pinang. Sijil Ketua Audit Negara telah dikeluarkan pada 22 Mei 2009, bertaraf Sijil Bersih Tanpa Teguran.

Penyata ini mengandungi transaksi yang berlaku di dalam Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Penyata Akaun Memorandum pula terdiri daripada aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak termasuk di dalam Lembaran Imbangan.

Kedudukan baki akaun Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk tahun 2008 adalah berjumlah juta RM 1,025.90 juta berbanding dengan RM847.45 juta pada akhir tahun 2007. Bagi tahun 2008, jumlah baki Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM461.61 juta dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM564.29 juta.

LEMBARAN IMBANGAN

Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang dalam Akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan yang berjumlah RM1,025.90 juta pada akhir tahun 2008.

Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki wang tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu wang tunai dalam bank, wang tunai dalam perjalanan dan wang tunai dalam tangan. Baki wangtunai sebanyak RM2.89 juta adalah mencakupi wang tunai dalam bank sebanyak RM2.35 juta, wang tunai dalam perjalanan sebanyak RM0.20 juta dan wang tunai dalam tangan sebanyak RM0.34 juta.

Baki wang tunai di akhir tahun 2008 adalah kurang sebanyak RM2.47 juta berbanding dengan tahun 2007 dan jauh lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ringkasan baki wang tunai berakhir 31 Disember untuk tempoh 10 tahun bermula tahun 1999 sehingga 2008 adalah seperti di Jadual 1.

JADUAL 1

BAKI WANGTUNAI SEPERTI PADA 31 DISEMBER 1999 SEHINGGA 2008 (RM Juta)

Tahun Butiran	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Baki Wang Tunai Pada 31 Disember	11.81	129.57	48.73	177.14	639.26	670.66	18.65	5.99	5.36	2.89

Berdasarkan Jadual 1, bermula dari tahun 2005, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk meminimumkan baki wang tunai pada setiap akhir tahun. Di antara langkah yang diambil termasuklah melaburkan wang tunai yang berlebihan ke dalam simpanan tetap untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi. Lebihan wang tunai ini sentiasa dipantau supaya wang tersebut dapat ditempatkan di dalam simpanan bank seperti REPO untuk mendapat pulangan jangka pendek yang terbaik. Berikutan itu, mulai tahun 2005 baki wangtunai di bank telah berkurangan dari tahun ke tahun iaitu RM18.65 juta bagi tahun 2005 ke RM2.89 juta bagi tahun 2008.

Pelaburan

Amaun pelaburan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri pada 31 Disember 2008 berjumlah RM1,025.90 juta. Ianya mencakupi amaun pelaburan simpanan tetap berjumlah RM986.50 juta, pelaburan ekuiti berjumlah RM31.45 juta dan pelaburan kumpulan wang amanah berjumlah RM5.06 juta. Jumlah pelaburan simpanan tetap bertambah sebanyak RM181.50 juta berbanding tahun 2007 selaras dengan peningkatan lebihan wang tunai di dalam Akaun Semasa Kerajaan Negeri. Butir-butir lanjut mengenai pelaburan Kerajaan Negeri adalah seperti di Penyata B.

AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2008 dengan lebih berjumlah RM87.99 juta. Lebih ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM371.14 juta berbanding perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri berjumlah RM283.15 juta. Dengan lebih ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat daripada RM373.59 juta pada tahun 2007 kepada RM461.61 juta pada 31 Disember 2008.

Prestasi Hasil Negeri

Punca hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah daripada Hasil Cukai (RM110.15juta), Hasil Bukan Cukai (RM186.76 juta) dan Terimaan Bukan Hasil (RM74.23 juta). Jadual 2 menunjukkan jumlah keseluruhan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 dan 2007:

JADUAL 2
PRESTASI HASIL KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI
TAHUN 2008 DAN 2007 (RM Juta)

Bil	Tahun Perkara	2008	2007	Perbezaan
1.	Hasil Cukai	110.15	93.16	16.99
2.	Hasil Bukan Cukai	186.76	129.58	57.18
3.	Terimaan Bukan Hasil	74.23	73.12	1.11
	Jumlah	371.14	295.86	75.28

Hasil Kerajaan Negeri diperolehi daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2008, terdapat pertambahan hasil sejumlah RM75.28 juta atau 25.44% daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil tahun 2007. Prestasi hasil negeri daripada tahun 1999 hingga tahun 2008 adalah seperti di dalam Jadual 3.

JADUAL 3
PRESTASI HASIL KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1999 - 2008 (RM Juta)

Tahun	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Komponen										
Hasil	224.78	230.96	215.52	231.31	246.67	257.44	274.89	280.50	295.86	371.14

Hasil Cukai

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2008 telah meningkat sebanyak RM16.99 juta atau 18.24% berbanding tahun 2007. Sumber terbesar Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Langsung iaitu Cukai Tanah. Hasil Cukai Tanah telah meningkat sebanyak RM12.55 juta pada tahun 2008 berbanding tahun 2007. Peningkatan ini disebabkan oleh Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mengambil tindakan yang berterusan di dalam mengutip hasil Kerajaan Negeri termasuk tunggakan Cukai Tanah melalui kaedah-kaedah yang diperuntukkan di dalam Kanun Tanah Negara seperti pengeluaran surat peringatan kepada pemilik-pemilik lot tanah serta pengeluaran notis 6A, tindakan perampasan tanah serta mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang didapati tidak membayar Cukai Tanah.

Selain daripada itu, Hasil Cukai Tidak Langsung iaitu Duti Hiburan telah meningkat sebanyak RM1.71 juta bagi tahun 2008 iaitu kenaikan sebanyak 28.17% menjadikan RM7.78 juta pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 yang berjumlah RM6.07 juta. Kenaikan ini berikutan langkah-langkah pemantauan oleh pasukan penguatkuasa melalui rondaan dan pemeriksaan mengejut yang kerap diadakan dari semasa ke semasa.

Hasil Bukan Cukai

Pungutan Hasil Bukan Cukai pada tahun 2008 meningkat sebanyak RM57.18 juta berbanding jumlah peningkatan sebanyak RM9.27 juta sahaja pada tahun 2007. Peningkatan ini adalah kerana peningkatan kutipan Hasil Premium Tanah sebanyak RM32.79 juta berbanding tahun 2007. Kutipan Premium Tanah ini meningkat berikutan pertambahan aktiviti tukar syarat tanah dan pertambahan pemberian milik bayaran khas. Selain itu, Perolehan Dari Pelaburan Dalam Negeri juga meningkat sebanyak RM6.97 juta berbanding tahun 2007.

Walau bagaimanapun, terdapat juga aktiviti yang mengalami pengurangan kutipan hasil iaitu hasil premium tanah dari segi pemberian hak milik yang menurun sebanyak RM2.59 juta pada tahun 2008 berbanding tahun 2007. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan permohonan daripada aktiviti pemberian hak milik.

Terimaan Bukan Hasil

Terimaan Bukan Hasil bagi tahun 2008 berjumlah RM74.23 juta di mana menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.11 juta berbanding tahun 2007. Di antara faktor peningkatan ini adalah kerana pertambahan lebih dari penutupan Kumpulan Wang Amanah dan pemberian pertambahan hasil.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Keseluruhan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2008 berjumlah RM283.15 juta. Perbelanjaan ini meliputi Perbelanjaan Tanggungan sebanyak RM15.22 juta dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM267.93 juta. Komponen-komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Maksud Emolumen sebanyak RM98.53 juta, Maksud Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM58.68 juta, Maksud Perolehan Aset sebanyak RM1.26 juta, Maksud Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM122.79 juta dan Maksud Perbelanjaan-perbelanjaan Lain sebanyak RM1.89 juta. Jadual 4 menunjukkan Prestasi Perbelanjaan Mengurus mengikut komponen perbelanjaan bagi tahun 2008 dan 2007.

JADUAL 4
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT KOMPONEN
PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2008 DAN 2007

	Tahun		Perbezaan
Komponen Perbelanjaan	(RM Juta) 2008	(RM Juta) 2007	(RM juta)
Emolumen	98.53	78.15	20.38
Perkhidmatan dan Bekalan	58.68	59.67	(0.99)
Aset	1.26	2.18	(0.92)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	122.79	106.07	16.72
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1.89	6.18	(4.29)
Jumlah	283.15	252.25	30.90

Perbelanjaan untuk Maksud Emolumen adalah sebanyak RM98.53 juta pada tahun 2008 dan jumlah ini didapati meningkat sebanyak RM20.38 juta berbanding dengan tahun 2007 sebanyak RM78.15 juta. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh pemberian bonus kepada kakitangan jabatan, kenaikan gaji dan pertambahan perjawatan dari penstrukturan semula Jabatan.

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merangkumi perbelanjaan penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah. Perbelanjaan ini menurun sebanyak RM0.99 juta pada tahun 2008. Penurunan perbelanjaan ini disebabkan oleh pengurangan penggunaan hotel bagi penganjuran kursus, seminar dan bengkel serta mengutamakan penggunaan kenderaan rasmi dan kadar perjalanan udara tambang murah.


Perbelanjaan Perolehan Aset adalah sebanyak RM1.26 juta yang merupakan 0.44% daripada keseluruhan Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2008. Perbelanjaan ini telah berkurangan berbanding perbelanjaan sebenar tahun 2007 sebanyak RM2.18 juta. Pengurangan perbelanjaan aset ini berikutan pembekuan pembelian aset baru yang mewah dan penangguhan perbelanjaan yang belum komited.

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM122.79 juta merupakan komponen Perbelanjaan Mengurus yang terbesar. Perbelanjaan ini merangkumi pindahan peruntukan ke Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Negeri, bantuan kewangan kepada Badan-badan Berkanun Negeri dan Penguasa Tempatan serta bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Baki Perbelanjaan-perbelanjaan Lain pada tahun 2008 adalah sebanyak RM1.89 juta, berkurang sejumlah RM4.29 juta berbanding tahun 2007. Pengurangan ini disebabkan oleh tiada keperluan perbelanjaan untuk hapus kira bagi tahun 2008.

Perbelanjaan-perbelanjaan mengikut Maksud masing-masing adalah seperti di dalam Carta 1.

CARTA 1- KOMPONEN-KOMPONEN PERBELANJAAN MENGURUS 2008




Secara keseluruhannya prestasi perbelanjaan tahun 2008 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2007. Prestasi perbelanjaan 10 tahun kebelakangan iaitu dari tahun 1999 hingga 2008 mengikut komponen masing-masing adalah seperti di Jadual 5 dan Carta 2.

JADUAL 5
PRESTASI PERBELANJAAN MENURUS MENGIKUT KOMPONEN
PERBELANJAAN TAHUN 1999 - 2008 (RM juta)

Tahun Komponen Perbelanjaan	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Emolumen	45.23	50.47	51.83	60.15	61.80	62.55	64.80	72.02	78.15	98.53
Perkhidmatan dan Bekalan	31.29	32.87	39.17	39.23	40.24	42.47	48.89	55.59	59.68	58.68
Aset	2.85	2.60	5.47	2.92	1.23	4.56	7.35	4.98	2.18	1.26
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	134.52	161.52	165.52	144.62	121.25	119.10	69.57	136.66	106.07	122.79
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1.97	0.68	1.52	1.74	8.54	0.45	1.08	0.39	6.18	1.89
Jumlah	215.86	248.15	263.52	248.66	233.10	228.90	191.70	269.63	252.25	283.15

CARTA 2 PERBELANJAAN MENURUS 1999 - 2008



AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Dalam tahun 2008, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman baru berjumlah RM133.62 juta untuk dua Projek Bekalan Air iaitu bagi membiayai Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW) sebanyak RM18.00 juta dan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang sebanyak RM115.62 juta. Bagi Projek Pembesaran Empangan Mengkuang, keseluruhan pinjaman adalah bertujuan untuk membiayai kos pengambilan balik tanah. Manakala Projek NRW bertujuan untuk memperbaiki paip-paip air bagi mengurangkan kebocoran air dan pembaziran. Jumlah pinjaman telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan sebagai sumber pembayaran projek-projek yang telah dirancang serta diluluskan dalam tahun 2008. Oleh sebab itu, Akaun Pinjaman berbaki sifar pada akhir tahun 2008.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (Kumpulan Wang Pembangunan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Kena Bayar), Akaun Amanah Awam dan Akaun Deposit. Baki Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 2008 adalah berjumlah RM564.30 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM90.44 juta iaitu daripada RM473.86 juta pada tahun 2007 kepada RM564.30 juta pada tahun 2008.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan kerajaan dan membuat bayaran bagi maksud ianya ditubuhkan. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2008 ialah sebanyak RM302.29 juta. Jumlah ini terdiri daripada baki Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM189.76 juta, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM111.77 juta dan Akaun Kena Bayar sebanyak RM0.76 juta.

Kumpulan Wang Pembangunan

Pada tahun 2008, Kumpulan Wang ini telah menerima hasil sebanyak RM239.37 juta dan membuat perbelanjaan sebanyak RM151.94 juta, menjadikan lebihan sebanyak RM87.43 juta. Dengan lebihan ini, baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2008 ialah RM189.76 juta berbanding RM102.33 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini antaranya adalah disebabkan penerimaan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM133.62 juta. Selainnya, Kumpulanwang ini menerima pemberian daripada Kerajaan Persekutuan (TAHAP), terimaan daripada Sewa/Beli Perumahan Awam Kos Rendah, terimaan Bayaran Balik Pinjaman dan Pindahan Peruntukan daripada Akaun Semasa.

Kumpulan Wang ini telah dibelanjakan oleh Jabatan-jabatan Negeri iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan, Jabatan Taman Botani, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Kewangan Negeri untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang telah dirancang dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Prestasi perbelanjaan secara keseluruhan mencapai 93.48 % daripada keseluruhan peruntukan yang disediakan dalam tahun 2008.


Jadual 6 dan Carta 3 menunjukkan prestasi Perbelanjaan Pembangunan bagi tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu.

JADUAL 6

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 1999 - 2008 (RM Juta)

Tahun Komponen	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Pembangunan	127.12	160.95	112.55	93.84	79.99	106.04	110.67	110.67	129.39	151.94

CARTA 3 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 1999 -2008



Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang ini terdiri di antaranya daripada Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Komputer, Pendahuluan Diri, Pendahuluan Pelbagai, Pinjaman Penuntut, Pelbagai Akaun Penyelesaian, Kumpulan Wang Amanah Rumah Awam Kos Rendah, Kumpulan Wang Amanah Bantuan TYT, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan lain-lain Pelbagai Kumpulan Wang.

Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2008 ialah berjumlah RM112.53 juta berbanding RM105.72 juta bagi tahun 2007. Peningkatan baki ini di antaranya disebabkan peningkatan dividen yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Pengurus-pengurus Dana Lembaga Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Pulau Pinang (LKAPP) dan bayaran balik cukai yang dituntut ke atas Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tahun 2006 dan 2007.

Terdapat tiga akaun amanah kerajaan yang ditutup pada tahun 2008 iaitu akaun Akaun Park & Ride, Jawatankuasa Kesenian dan Jawatankuasa Medan Fair.

Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada akhir tahun yang menggunakan peruntukan tahun semasa dan dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Pada tahun 2008, sebanyak RM0.74 juta telah dibuat bayaran melalui Akaun Kena Bayar di mana bayaran tersebut adalah perbelanjaan mengenai bayaran tuntutan perjalanan dan bil utiliti bulan Disember 2008.

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957, (Disemak 1972) untuk mengakaunkan wang amanah yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi Maksud tertentu. Di antaranya ialah Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan, Akaun Penyelenggaraan Rumah-rumah Pangsa dan Akaun Caruman Saliran.

Baki kumpulan Wang ini ialah sebanyak RM60.08 juta pada akhir tahun 2008. Baki Kumpulan Wang ini telah meningkat sebanyak RM0.44 juta berbanding dengan tahun 2007.

Terdapat tiga Akaun Amanah Awam yang telah ditutup pada tahun 2008 iaitu Akaun Majlis Tindakan Pelancongan Negeri, Akaun Amanah Pelaksanaan Projek-projek KADUN MPPP dan MPSP serta Kumpulan Wang Biasiswa.

Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Terdapat 148 akaun wang deposit dan kebanyakan akaun ini adalah terdiri daripada pelbagai cagaran Perumahan Awam dan Kedai Awam di bawah pemantauan Bahagian Perumahan, Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan. Pada akhir tahun 2008, Akaun Deposit ini berbaki sebanyak RM201.92 juta.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum disediakan bagi membantu menerangkan secara terperinci mengenai perkara-perkara dalam Akaun Aset dan Tanggungan Kerajaan Negeri.

Aset

Aset Kerajaan Negeri adalah merupakan harta milikan Kerajaan Negeri semasa dan yang bakal diterima. Di dalam Akaun Memorandum ini, Aset menunjukkan Pinjaman Boleh Dituntut, Nilai Pelaburan Semasa dan Hasil Belum Diterima.

Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Jelutong Development Sdn. Bhd..

Sehingga tahun 2008, baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah sebanyak RM115.50 juta terdiri daripada pinjaman kepada Perbadanan Bekalan Air (PBA) (sekarang diambil alih oleh PBAPP Sdn. Bhd.) sebanyak RM84.89 juta; pinjaman kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebanyak RM2.61 juta untuk tujuan Projek Pembentungan Najis dan Program Pembaharuan Bandar dan Pemulihan Premis Akta Kawalan Sewa; dan Jelutong Development Sdn. Bhd. sebanyak RM28.00 juta untuk Projek Lebuhraya Ekspres Jelutong.

Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 dan 2007 adalah seperti di Jadual 7. Butir-butir lanjut mengenai Pinjaman Boleh Dituntut adalah tertera seperti di dalam Penyata F1.

JADUAL 7

BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2008 DAN 2007 (RM Juta)

JENIS PINJAMAN	TAHUN	
	2008	2007
PBAPP Sdn.Bhd.		
i) Projek Bekalan Air		91.44
Majlis Perbandaran Pulau Pinang		
i) Pembentungan Najis	2.61	2.61
ii) Pembaharuan Bandar dan Pemulihan Premis Akta Kawalan Sewa	0.00	0.86
Jelutong Development Sdn. Bhd.		
i) Projek Lebuhraya Express Jelutong	28.00	21.00
JUMLAH	115.50	115.91

Pelaburan

Pelaburan yang terdapat dalam Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan nilai pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat pengurusan dana, pelaburan dalam unit amanah dan pelaburan ekuiti dalam Syarikat PBAPP Sdn. Bhd.. Jumlah nilai pelaburan pada akhir tahun 2008 ialah sebanyak RM215.72 juta. Butir-butir lanjut mengenai pelaburan ini adalah seperti di dalam Penyata F2.

Hasil Belum Diterima

Sehingga Disember 2008, Hasil Belum Diterima Kerajaan Negeri berjumlah RM87.85 juta iaitu meningkat sebanyak RM9.32 juta berbanding tahun 2007 yang berjumlah RM78.53 juta. Daripada RM87.85 juta, sebanyak RM13.72 juta adalah Bayaran Balik Pinjaman Penuntut yang belum diterima. Manakala RM74.12 juta adalah Hasil Belum Diterima yang terdiri daripada Cukai Tanah, Ansuran/ Sewa Rumah Kos Rendah dan Hasil-hasil Lain. Daripada jumlah Hasil Belum Diterima tersebut, sejumlah RM63.52 juta adalah tunggakan hasil Cukai Tanah. Pejabat yang mempunyai tunggakan hasil Cukai Tanah yang tertinggi adalah Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM21.04 juta diikuti Pejabat Tanah Daerah Timur Laut sebanyak RM17.12 juta, Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Utara berjumlah RM14.16 juta, Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Selatan berjumlah RM6.77 juta dan Pejabat Tanah Daerah Barat Daya berjumlah RM4.43.

Pajakan Projek Bekalan Air bagi tahun 2008 ialah sebanyak RM74.73 juta yang terdiri daripada Pajakan Tanah dan Paip Negeri Pulau Pinang berjumlah RM1.53 juta dan Empangan Teluk Bahang sebanyak RM73.20 juta. Bayaran pajakan ini dibuat secara tahunan kepada Kerajaan Negeri iaitu RM1.53 juta setahun untuk Pajakan Tanah dan Paip Negeri dan RM6.10 juta setahun untuk Pajakan Empangan Teluk Bahang.

Liabiliti

Hutang Awam Kerajaan Negeri

Pada tahun 2008, baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM625.44 juta berbanding sejumlah RM496.51 juta pada tahun 2007, iaitu meningkat sejumlah RM128.93 juta atau 25.97%. Kenaikan ini adalah kerana terdapat pinjaman yang diterima pada tahun 2008 iaitu sebanyak RM133.62 juta yang meliputi RM18.00 juta untuk Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW) dan RM115.62 juta untuk Projek Pembesaran Empangan Mengkuang. Memandangkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan mengambil alih aset dan liabiliti yang berkaitan dengan bekalan air, maka bayaran balik pinjaman untuk Projek Bekalan Air telah ditangguhkan bermula daripada tahun 2004. Bayaran balik serta hutang berkaitan Projek Bekalan Air dijangka akan dipertanggungjawabkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) setelah urusan pengambilalihan pengurusan air selesai dilakukan. Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 dan 2007 adalah seperti di Jadual 8. Butir-butir lanjut Hutang Awam Kerajaan Negeri adalah seperti di Penyata G.

JADUAL 8
KEDUDUKAN HUTANG KERAJAAN NEGERI (RM Juta)

Bil.	Jenis Hutang	Tahun		Perbezaan 2008/2007
		2008	2007	
1.	Rancangan Perumahan Awam	33.44	38.13	(4.69)
2.	Projek Bekalan Air Perbadanan Air Pulau	590.67	457.06	133.62
3.	Projek Majlis Perbandaran	1.33	1.33	-
	Jumlah	625.44	496.52	128.93

PENUTUP

Penyediaan Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang telah diterima dan disahkan lengkap serta teratur oleh Ketua Audit Negara dengan Penarafan Indeks Akauntabiliti adalah pada tahap sangat baik.

Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengalami peningkatan sejumlah RM178.46 juta atau 21.06% iaitu berjumlah RM1.026 juta pada tahun 2008 berbanding RM847.45 juta pada tahun 2007. Hasil Kerajaan Negeri pula berjumlah RM371.14 juta pada tahun 2008 berbanding RM295.86 juta pada tahun 2007 iaitu meningkat sejumlah RM75.28 juta atau 25.44%. Manakala perbelanjaan yang dilakukan adalah berjumlah RM283.15 juta pada tahun 2008 berbanding RM252.25 juta pada tahun 2007 iaitu meningkat sejumlah RM30.89 juta atau 12.24%.

Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk menambah hasil dan mengekalkan perbelanjaan secara berhemat untuk memastikan kedudukan kewangan bertambah baik dari semasa ke semasa.

Kesimpulannya, pengurusan kewangan negeri yang baik dan penyediaan Penyata Kewangan yang teratur dan lengkap hanya akan dapat dicapai melalui komitmen, kerjasama dan sokongan daripada semua Ketua-ketua Jabatan Negeri dan kakitangan.

TERIMA KASIH.

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG 2008

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
 Lembaran Imbangan
 Seperti Pada 31 Disember 2008

Penyata		<u>2008</u>	<u>2007</u>
WANG AWAM		RM	RM
A	WANGTUNAI	2,898,165.18	5,360,618.05
B	PELABURAN	1,023,008,906.43	842,085,989.74
		1,025,907,071.61	847,446,607.79
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULANWANG DISATUKAN			
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	461,610,225.06	373,589,754.33
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	564,296,846.55	473,856,853.46
		1,025,907,071.61	847,446,607.79

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan Penyata dan nota yang dilampirkan.


 (ROSLAN BIN A. RAHMAN)
 BENDAHARI NEGERI
 PULAU PINANG


 (DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF)
 PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
 PULAU PINANG

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai
Seperti pada 31 Disember 2008

		RM	RM
TERIMAAN			
Hasil	Penyata		
Hasil Cukai	C	110,148,781.73	
Hasil Bukan Cukai	C	186,759,732.96	
Terimaan Bukan Hasil	C	74,235,360.04	371,143,874.73
Pinjaman			
Pinjaman Dalam Negeri	D		133,615,426.00
Terimaan Modal			
Terimaan Balik Pinjaman	E1a	15,041,152.67	
Jualan Aset Modal	E1a	6,257,798.49	
Pelbagai Terimaan Modal	E1a	13,460,820.00	
Lain-lain Terimaan	E1a	71,000,000.00	105,759,771.16
Lain-lain Terimaan			
Terimaan Amanah	E		3,008,771.04
Jumlah Terimaan (i)			613,527,842.93
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus			
Emolumen	C	98,529,675.95	
Perkhidmatan Dan Bekalan	C	58,675,079.57	
Aset	C	1,260,470.41	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	C	122,790,326.59	
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	C	1,894,583.96	283,150,136.48
Perbelanjaan Pembangunan			
Langsung	E1a	54,997,174.11	
Pinjaman	E1a	96,946,801.00	151,943,975.11
Perbelanjaan Modal			
Pembelian Instrumen Kewangan	B		180,922,916.69
Jumlah Bayaran (ii)			616,017,028.28
Tambahan/(Kurangan) Wangtunai (i) - (ii)			(2,489,185.35)
Wangtunai pada 1 Januari 2008			5,360,618.05
Pelarasan Hasil (Nota 9)			26,732.48
Tambahan/(Kurangan) Wangtunai			(2,489,185.35)
JUMLAH WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER 2008			2,898,165.18

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
 Penyata Akaun Memorandum
 Seperti Pada 31 Disember 2008

	<i>Penyata</i>	<u>2008</u>	<u>2007</u>
		RM	RM
ASET			
Pinjaman Boleh Dituntut	<i>F1&F1i</i>	115,503,959.17	115,918,611.84
Pelaburan			
Pelaburan (Portfolio)	<i>F2a</i>	42,892,357.96	54,347,293.17
Pelaburan Ekuiti	<i>F2b</i>	172,833,873.19	172,833,873.19
Penyata Hasil Belum Diterima	<i>F3</i>	87,847,808.89	78,531,457.60
Pajakan Projek Bekalan Air	<i>F4</i>	74,726,500.00	82,353,000.00
		493,804,499.21	503,984,235.80
TANGGUNGAN			
Hutang Kerajaan Negeri	<i>G</i>	625,442,355.90	496,515,049.41
		625,442,355.90	496,515,049.41

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan Penyata dan nota yang dilampirkan.


 (ROSLAN BIN A. RAHMAN)
 BENDAHARI NEGERI
 PULAU PINANG


 (DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF)
 PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
 PULAU PINANG

Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersampingan dengannya)

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG PENTING

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang
sebagai Entiti Perakaunan

Sebagai entiti perakaunan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kecuali Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan.

2. Kumpulan Wang Disatukan

Terdapat tiga akaun berasingan diselenggarakan mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu:-

- 2.1. Akaun Hasil Disatukan (Penyata C). Hasil Kerajaan yang dikutip diakaunkan ke akaun ini dan perbelanjaan mengurus yang dilakukan dikenakan ke atasnya.
- 2.2. Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata D). Mengakaunkan semua penerimaan pinjaman dan pembayaran dibuat termasuk kepada Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan.
- 2.3. Akaun Amanah Disatukan (Penyata E). Mengakaunkan semua terimaan dan bayaran bagi Kumpulanwang Amanah Kerajaan.

3. Akaun Memorandum

Akaun ini mengakaunkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak diambil kira dalam Kumpulan Wang Disatukan, sebaliknya dinyatakan di dalam Penyata Akaun Memorandum yang mengandungi butir-butir berikut:-

Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersampingan dengannya)

3.1. Penyata Akaun Memorandum - Aset

- 3.1.1 Pinjaman Boleh Dituntut [Penyata Memorandum F1 dan Penyata F1(i)].
- 3.1.2 Penyata Pelaburan (Penyata Memorandum F2a dan F2b)
- 3.1.3 Penyata Hasil Belum Terima (Penyata Memorandum F3).
- 3.1.4 Penyata Pajakan Projek Bekalan Air (Penyata Memorandum F4)

Pajakan

Pajakan projek-projek bekalan air Kerajaan Negeri meliputi aset dan kemudahan bekalan air melalui perjanjian yang telah ditandatangani.

3.2. Penyata Akaun Memorandum - Tanggungan

Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam Negeri [Penyata G]

4. Konsep Asas

Dasar Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan kepada dua konsep seperti tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan.

- 4.1 Konsep Kumpulan Wang Disatukan yang memerlukan segala hasil dan wang yang dikutip atau diterima kecuali Zakat, Fitrah, Baitulmal, Wakaf atau hasil Agama Islam yang seumpamanya (Perkara 97); dan
- 4.2 Konsep bahawa tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Perkara 104).

Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersampingan dengannya)

5. Dasar Perakaunan

Asas perakaunan yang digunakan bagi kedua-dua hasil dan perbelanjaan Kerajaan ialah sistem tunai. Sistem perakaunan tunai ubahsuai yang digunakan sekarang membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada akaun tahun itu.

6. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan ditetapkan oleh Akta Prosedur Kewangan sebagai suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

7. Aset dan Tanggungan

Aset tetap dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan seperti pinjaman boleh dituntut tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan tetapi ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum Aset (Penyata F2).

Tuntutan kewangan atas Kerajaan yang belum diselesaikan pada penutup tahun kewangan juga tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Tetapi tanggungan ini ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum Tanggungan (Penyata G).

WANG AWAM

8. Wang Tunai dan Pelaburan

Wang Tunai (Penyata A) dan Pelaburan (Penyata B) yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan adalah terdiri dari kelebihan terkumpul bagi ketiga-tiga akaun Kumpulanwang Disatukan. Pelaburan diambilkira pada nilai buku dengan nilai-nilai nominal dan pasarannya ditunjukkan untuk perbandingan. Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus pula ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum

Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersampingan dengannya)

AKAUN HASIL DISATUKAN

9. Hasil

Kutipan hasil (Penyata C1) diakaunkan atas asas tunai. Hasil sebenar yang dipungut diakaunkan. Bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan kepada perbelanjaan.

10. Perbelanjaan

Semua kenaikan kepada peruntukan kewangan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan serta wang yang diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pemberian, pinjaman dan pelaburan dianggap sebagai perbelanjaan (Penyata C2).

Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada hasil.

11. Perbelanjaan Tanggungan

Perbelanjaan tanggungan (Penyata C2) terdiri dari perbelanjaan yang diwajibkan dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut mana-mana Undang-undang Negeri. Ia termasuk pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan ganti rugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri, ianya tidak dibahaskan.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

12. Kumpulan Wang Pembangunan

Ianya ditubuhkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dan diakaunkan dalam Akaun Amanah (Penyata E1a). Terimaan Kumpulan Wang ini terdiri daripada pinjaman yang diambil bagi maksud Pembangunan, caruman dari Akaun Hasil dan terimaan balik pinjaman yang diberi dari Kumpulan Wang Pembangunan. Perbelanjaan hanya boleh dibuat untuk maksud-maksud tertentu seperti yang ditentukan dalam Akta

Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersampingan dengannya)

Kumpulan Wang Pembangunan.

13. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (Penyata E1) ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi maksud tertentu.

14. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam (Penyata E2) ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan, terdiri dari kumpulan wang khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu.

15. Deposit

Akaun Amanah bagi deposit (Penyata E3) mengakaunkan wang yang telah diterima khusus bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau mengikut perjanjian.

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

16. Pinjaman

Pinjaman yang diambil di bawah kuasa undang-undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan diakaunkan dalam Akaun Pinjaman (Penyata D).

17. Hutang Awam

Hutang Awam yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan, Bank-bank dan punca kewangan yang lain yang masih belum diselesaikan. Ianya dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum G.

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG 2008

LEMBARAN IMBANGAN

Aset

A**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
PENYATA WANGTUNAI
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2008**

PERIHAL		2008	2007
		RM	RM
I	WANGTUNAI DALAM BANK	2,350,666.92	4,268,727.68
II	WANGTUNAI DALAM PERJALANAN	204,798.26	749,190.37
III	WANGTUNAI DALAM TANGAN	342,700.00	342,700.00
JUMLAH WANGTUNAI		2,898,165.18	5,360,618.05

B

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
PENYATA PELABURAN
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2008

Perihal	2008 Nilai Buku RM	2007 Nilai Buku RM
I PELABURAN KUMPULANWANG AMANAH		
KUMPULANWANG BIASISWA KHOO HENG PANG		
BRITISH 3 1/2% WAR LOAN STOCK	7,346.93	7,346.93
BANK SIMPANAN NASIONAL	0.00	141.68
SIMPANAN TETAP	0.00	14,700.00
JUMLAH KUMPULAN BIASISWA KHOO HENG PANG	7,346.93	22,188.61
KUMPULANWANG SOON CHENG SUN		
SIMPANAN TETAP	0.00	12,200.00
JUMLAH KUMPULANWANG SOON CHENG SUN	0.00	12,200.00
KUMPULANWANG SARA		
SIMPANAN TETAP	0.00	13,000.00
JUMLAH KUMPULANWANG SARA	0.00	13,000.00
KUMPULANWANG SOON ENG KONG		
SIMPANAN TETAP	0.00	3,600.00
JUMLAH KUMPULANWANG SOON ENG KONG	0.00	3,600.00
KUMPULANWANG HEAH SENG WHATT		
SIMPANAN TETAP	0.00	13,164.29
JUMLAH KUMPULAN WANG HEAH SENG WHATT	0.00	13,164.29
KUMPULANWANG BIASISWA SOON AH LEE		
BANK SIMPANAN NASIONAL	0.00	77.34
SIMPANAN TETAP	0.00	20,200.00
JUMLAH KUMPULAN WANG SOON AH LEE	0.00	20,277.34
KUMPULANWANG KEBAJIKAN MASYARAKAT		
BANK SIMPANAN NASIONAL	0.00	0.00
SIMPANAN TETAP	731,975.47	731,975.47
JUMLAH KUMP. WANG KEBAJIKAN MASYARAKAT	731,975.47	731,975.47
KUMPULANWANG TABUNG TYT		
SIMPANAN TETAP	4,319,584.03	4,819,584.03
JUMLAH KUMPULAN TABUNG TYT	4,319,584.03	4,819,584.03
JUMLAH PELABURAN KUMPULANWANG AMANAH	5,058,906.43	5,635,989.74
II PELABURAN AM		
SIMPANAN TETAP DI BANK	986,500,000.00	805,000,000.00
TELEKOM MALAYSIA BERHAD	3,575,000.00	7,150,000.00
TM INTERNATIONAL BHD.	3,575,000.00	0.00
TENAGA NASIONAL BERHAD	9,000,000.00	9,000,000.00
PETRONAS	2,800,000.00	2,800,000.00
MALAYSIA AIRPORTS HOLDING BERHAD	12,500,000.00	12,500,000.00
JUMLAH PELABURAN AM	1,017,950,000.00	836,450,000.00
JUMLAH PELABURAN	1,023,008,906.43	842,085,989.74

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG 2008

LEMBARAN IMBANGAN

Akaun Hasil Disatukan

C KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Perihal	Belanjawan RM	2008		2007	
		Sebenar RM	% Belanjawan	Sebenar RM	% Belanjawan
BAKI PADA 1 JANUARI		373,589,754.33		329,982,624.70	
I HASIL					
Hasil Cukai	107,421,500.00	110,148,781.73	102.54	93,156,980.71	92.34
Hasil Bukan Cukai	113,595,050.00	186,759,732.96	164.41	129,586,414.22	135.01
Terimaan Bukan Hasil	61,882,000.00	74,235,360.04	119.96	73,118,506.35	111.57
Jumlah Hasil	282,898,550.00	371,143,874.73	131.19	295,861,901.28	112.75
II PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	115,196,898.00	98,529,675.95	85.53	78,148,670.76	92.31
Perkhidmatan dan Bekalan	68,876,526.43	58,675,079.57	85.19	59,677,309.04	95.95
Aset	2,394,510.00	1,260,470.41	52.64	2,179,542.82	93.59
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	126,953,935.57	122,790,326.59	96.72	106,067,668.14	74.97
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	5,138,440.00	1,894,583.96	36.87	6,181,580.89	61.21
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	318,560,310.00	283,150,136.48	88.88	252,254,771.65	83.87
Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun (C1-C2)	(35,661,760.00)	87,993,738.25		43,607,129.63	
		461,583,492.58		373,589,754.33	
